



25 November 2015
25 November 2015
P.U. (A) 269

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (BANDARAYA KUALA LUMPUR) (NO. 2) 2015

ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD) (CITY OF KUALA LUMPUR) (NO. 2) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) (NO. 2) 2015

BAHAWASANYA melalui Notis di bawah Subseksyen 70(2), P.U. (B) 441 yang disiarkan dalam *Warta* pada 28 Oktober 2015, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta itu, Dato Bandar Kuala Lumpur, setelah berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang tersebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (No. 2) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2015.

Larangan

2. Pemanduan semua kenderaan di atas bahagian jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan arah yang ditentukan dalam ruang (2) Jadual Pertama, mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	<i>Arah yang ditentukan</i>	<i>Tempoh larangan</i>
(i) Keseluruhan Jalan Melur dari persimpangannya dengan Jalan Kampung hingga ke persimpangannya dengan Jalan Melati sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua	(i) Kenderaan dari Jalan Tun Razak menghala ke Jalan Barat hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Mulai 1 Disember 2015
(ii) Keseluruhan Jalan Kampung dari persimpangannya dengan Jalan Barat hingga ke persimpangannya dengan Jalan Utara sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua	(ii) Kenderaan dari Jalan Barat menghala ke Jalan Tun Razak hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	
(iii) Keseluruhan Jalan Melati dari persimpangannya dengan Jalan Barat hingga ke persimpangannya dengan Jalan Kampung sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua		
(iv) Keseluruhan Jalan Punai dari persimpangannya dengan Jalan Melati hingga ke persimpangannya dengan Jalan Utara sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua		